

# Pelan induk perbelanjaan dibukukan

BA 24/6/2006

**K**LUANG: Kementerian Pelajaran akan melancarkan pelan induk perbelanjaan kementerian itu dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) yang memperincikan setiap sen diperuntukkan kepadanya.

Menterinya, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata pelan induk yang dibukukan dan diedarkan kepada umum, dijangka dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, bulan depan.

"Kita membuat keputusan membukukan pelan induk itu bagi mengelak salah faham mengenai hala tuju kita melaksanakan peraturan yang ditetapkan dalam RMK-9.

"Program kita seperti pembinaan sekolah atau pelbagai agenda tertentu akan dimasukkan dalam pelan induk itu supaya difahami semua pihak," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada sidang akhbar selepas perasmian Penutupan Khemah Kerja Perpaduan Murid Menengah Rendah, Peringkat Kebangsaan 2006, di Dewan Serbaguna Kejora, Taman Sri Lambak, di sini semalam.

Hishammuddin berkata, pelan induk itu akan menggunakan dua pendekatan iaitu menyelaraskan semua sekolah sedia ada serta mencari kelompok kecemerlangan.



**PROGRAM TELADAN:** Hishammuddin bernesra dengan peserta program Khemah Kerja P Murid Menengah Rendah, Peringkat Kebangsaan 2006, di Dewan Serbaguna Kejora, Taman Sri Lambak Kluang, semalam.

"Perancangan menyelaraskan semua sekolah bukannya mudah kerana kita ada lebih 10,000 sekolah dan akan mengambil masa menentukan semuanya menerima kemudahan infrastruktur yang sepatutnya.

"Bagi pendekatan mencari kelompok kecemerlangan, sekolah tertentu akan disun-

tik bantuan supaya sekolah cemerlang akan lebih cemerlang pada masa depan," katanya.

Hishammuddin berkata, beliau yakin peruntukan disediakan dan dengan kepemimpinan yang ada, perancangan dalam pelan induk itu dapat menjadi kenyataan.